



Dr. Amaal Fadhlini Binti Mohamed <fadhlini@umk.edu.my>

NOTIFIKASI PENERIMAAN KARYA UNTUK BUKU COVID-19: NUKILAN DAN REFLEKSI

1 message

Dr. Fairuz A'Dilah Binti Rusdi <fairuz@umk.edu.my>

Sun, Dec 13, 2020 at 2:25 PM

To: "Dr. Amaal Fadhlini Binti Mohamed" <fadhlini@umk.edu.my>, ahmadmppumk@gmail.com

Assalamualaikum/Salam sejahtera

Amaal Fadhlini Binti Mohamed¹ & Ahmad Hurairah Mohd Noor²

1 Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah

2 Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan

Sukacita dimaklumkan bahawa manuskrip penulisan kreatif Prof/Prof Madya/ Dr./ Tuan/ Puan/ Cik yang bertajuk "Diari Ungu Dan Diari Biru" telah diterima pada 5 Mei 2020 dan kini disahkan untuk diterbitkan dalam buku "COVID-19: NUKILAN DAN REFLEKSI" oleh Penerbit UMK. Buku ini sedang dalam proses penyuntingan dan dijadualkan untuk penerbitan pada awal tahun hadapan.

Terima kasih.

Sekian.

Yang Benar,

--

Fairuz A'dilah Rusdi

Editor

Buku COVID-19: NUKILAN DAN REFLEKSI

Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah

Universiti Malaysia Kelantan

*** Entrepreneurship is Our Thrust***

DISCLAIMER: The information in this e-mail and any attachment(s) transmitted with it ("Message") is intended only for the use of the intended recipient(s) and may contain confidential or privileged information. UMK are not responsible for any unauthorized changes made to the information or for the effect of such changes. You are hereby notified that any action in reliance upon, or any review, retransmission, dissemination, distribution, printing or copying of this Message or any part thereof by anyone other than the intended recipient(s) is strictly prohibited. Any opinions, conclusions and other information in this Message that do not relate to the official business of UMK shall be understood as neither given nor endorsed by UMK. UMK shall not be liable for loss or damage caused by viruses transmitted by this Message.

**Senarai penyumbang Bab Buku COVID19 Nukilan n Refleksi.pdf**

186K

DIARI UNGU DAN DIARI BIRU

Amaal Fadhlini Mohamed¹ & Ahmad Hurairah Mohd Noor²

¹Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah

²Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan

Dua diari milik dua manusia berbeza. Dua diari yang ditulis sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan permulaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP). Diari Biru dimiliki seorang insan yang bergelar pelajar. Manakala, Diari Merah Ungu dimiliki seorang insan yang bergelar tenaga pengajar. Mereka berada dalam dua dunia berbeza dengan sudut pandangan dan pengalaman berbeza. Diari Biru dan Diari Ungu yang tidak sama tapi serupa. Tidak sama, kerana keduanya adalah diari yang ditulis menggunakan pena berbeza dalam lembaran yang tidak sama. Tapi serupa, kerana kedua diari ini dimiliki oleh dua orang manusia yang masing-masing bergelar seorang rakyat yang patuh pada arahan kerajaan.

Wahai Diari Ungu,

Hari ini 25 Mac 2020. Tanggal ke lapan PKP Fasa 1. Aku masih bekerja dari rumah bermula 18 Mac yang lalu. Ini kerana semua staf diminta bekerja dari rumah sehingga tarikh yang diberitahu kelak. Saat ini, aku berdiri di atas sofa usang berwarna putih tiga tempat duduk. Mataku tetap pada kaca televisyen. Kedengaran suara Perdana Menteri Malaysia memberi ucapan dalam nada santai. Susuk beliau sangat tenang. Namun begitu, sesungguhnya aku tidak santai. Dua kaki ini kebas. Sepuluh jari ini menari-nari, berlipat rapat sesama sendiri. Basah dek peluh gugup dan gusar. Alat kawalan jauh televisyen kucapai pantas. Satu butang tambah ditekan berkali-kali. Suara tenang Perdana Menteri Malaysia bertambah kuat, menyapa dua telingaku yang lemah tidak dibuat-buat.


Setiap bait kata daripada Amanat Khas Perdana Menteri itu aku teliti di minda hati. Malaysia kini dipanjangkan tempoh PKP buat kesekian kali. Kali ini lebih keras bagi menyekat yang buas-buas. Sayu makin terasa di hati ini. Aku begitu rindu untuk kembali ke taman permainanku. Oh tidak! Bukan lapangan yang dipenuhi gelongsor, buaian dan jongkang-jongket. Ini adalah taman para pekerja yang amat berdedikasi membangunkan sebuah institusi. Taman ini dipenuhi dewan-dewan ilmu yang senantiasa dilindungi dan dipayungi sayap para malaikat. Taman yang penuh berkat, rahmat dan semangat. Sebuah

taman indah tempatku mencari rezeki, menabur bakti dan menimba ilmu sehari-hari, Universiti Malaysia Kelantan.

Wahai Diari Biru,

Hari ini 29 Mac 2020. Sudah lama aku di sini, iaitu asrama pelajar UMK Kampus Pengkalan Chepa setelah PKP diumumkan. Aku hanya berada di dalam pagar asrama yang tertutup rapi ini. Saat ini, aku duduk di bangku. Angin bayu senja melewati pipi. Sang mentari sudah hilang disorokkan si awan petang. Termenung sejenak aku, teringat amanat Perdana Menteri semalam. Pelajar IPT mesti tetap tinggal di kampus sehingga tarikh yang dimaklumkan kelak. Setiap bait kata itu cukup terkesan di lubuk sanubari ini. Aku di sini memikul tanggungjawab yang maha berat sebagai Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar, bersama rakan-rakan seperjuangan yang lain sebagai petugas barisan hadapan UMK. Kerana kami adalah wakil pelajar. Kami adalah suara mereka. Kami jualah kini penjaga mereka. Pagar besar itu ditutup rapat, ketat. Tiada lagi pelajar keluar atau masuk. Setiap pergerakan pelajar direkod, dipastikan selamat.

Walaupun berPKP di kampus, pelbagai aktiviti sukarela dilakukan di sini termasuk membantu menyediakan peralatan buat *frontliner* negara iaitu *face shield*. Aku dan rakan-rakan terlibat dalam aktiviti ini di bawah pengurusan UMK. Kami semua gembira kerana dapat mengisi masa terluang seadanya dengan perkara berfaedah.



Wahai Diari Ungu,

Hari ini 10 April 2020. Amanat daripada YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Bin Haji Mohd Yassin di kaca televisyen pada hari bertuah ini, sungguh aku dengar dengan penuh penghayatan. PKP ini diteruskan lagi. Penjawat awam perlu kekal di rumah dan bekerja

dari rumah seperti biasa. Virus COVID-19 semakin berleluasa. Bilangan jangkitan di Kelantan semakin meningkat. Kalas atas talian diteruskan seperti biasa.

Beberapa keping gambar dan video dikongsikan lagi melalui aplikasi *Whatsapp* oleh beberapa orang pelajarku. Aku lihat wajah-wajah pelajar yang kukenali. Mereka kelihatan penat ke sana ke mari. Memenuhi amanah yang belum tentu mereka kehendaki. Namun kerana nilai jati diri yang tinggi, mereka meluhurkan budi. Sungguh suci hati dan nurani. Ya, mereka inilah pejuang kami. Sukarelawan barisan hadapan di Universiti ini. Pejuang ini terdiri daripada pasukan yang diketuai sendiri oleh Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni sendiri, iaitu Prof. Ts. Dr. Zaliman Bin Sauli, yang saban hari menemani pelajar-pelajar yang terkandas tidak dapat pulang ke kampung halaman sebelum PKP. Beliau makan mi Maggi hari-hari. Walaupun ada nasi, kuih, dan bermacam-macam lauk lagi. Mungkin ini hanya kisah dongeng di siang hari. Namun aku percaya kerana mi Maggi itu sedap sekali. Baiklah, sila serius kembali. Adapun beliau dibantu oleh pejuang khas dalam kalangan staf UMK sendiri. Di kala teman-teman lain berada di rumah, mereka bekerja di samping adik-adik pelajar yang mereka kasihi. Gerakan sukarelawan pelajar pula diketuai oleh Saudara Ahmad Hurairah Bin Mohd Noor yang merupakan Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Malaysia Kelantan. Sungguh besar lagi indah pengorbanan mereka. Alangkah sepi jalan-jalan menentang COVID-19 di kampus, andai tiada kehadiran mereka.

Wahai Si Diari Biru,

Hari ini 11 April 2020. Hampir dua minggu sudah aku berada di UMK semata-mata untuk membantu rakan-rakan aku yang terperangkap disebabkan PKP ini dengan kerjasama pihak pengurusan univeriti. Ketika aku mempunyai pilihan sama ada untuk pulang ke kampung halaman atau berada di universiti, aku memilih untuk terus kekal di universiti kerana aku berasa bertanggungjawab atas amanah yang diberikan. Penat lelah sepanjang PKP ini tidak boleh digambarkan dengan kata-kata namun aku menikmatinya kerana ini merupakan pengalaman yang akan menjadi sejarah buat rakan-rakan aku yang lain. Demimu tanah air tercinta. Relu kami bertahan dengan sepenuh kerelaan. Kita pasti menang! Itulah slogan yang saban hari berkumandang. Di telinga para pejuang dan menjadi sebutan di bibir para sukarelawan di mana-mana.



Wahai Si Diari Ungu,

Hari ini 14 April 2020. Setelah dikenal pasti, terdapat 10 orang pelajarku yang terkandas di asrama Kampus UMK Pengkalan Chepa iaitu Taufiq, Hadi, Izzah, A'idah, Azzrul, Izzudinsyah, Christen, Josmah, Selvie dan Rabitah. Mereka begitu kuat mengharungi detik-detik berPKP di kampus dengan sabar, walaupun merindui kampung halaman. Mereka sentiasa berkongsi khabar mereka kepadaku melalui aplikasi *Whatsapp*. Pelbagai aktiviti dilakukan di sana bagi mengisi masa lapang. Tidak lupa juga dua lagi pelajar kesayanganku daripada semester lepas iaitu Ghafur dan Ain Syuhada. Mereka turut dihubungi sekali-sekala. Bagi menggembarakan hati dan memuji kecekalan emosi pelajar-pelajar ini di sana, sedikit kejutan kuberikan kepada mereka pada hari ini. Mereka diberitahu bahawa aku akan menghantar kertas soalan latihan dan tugas kepada mereka pada petang itu. Walhal, aku sebenarnya menempah kuih bomboloni dan *creampuff* daripada kedai roti terdekat, dan membuat penghantaran kepada salah seorang pelajar di sana. Beberapa keping gambar dikongsikan kepadaku. Aku amat gembira melihat wajah-wajah ceria mereka walaupun hanya menerima pemberian yang tidak seberapa. Tidak lupa juga kepada petugas barisan hadapan UMK yang bertungkus-lumus di sana, tidak kira dalam kalangan pelajar atau staf UMK. Moga sedikit kemanisan dalam kuih ini dapat sedikit sebanyak mencerikan hari mereka.




Wahai Si Diari Biru,

Hari ini 17 April 2020. Aku juga tidak sangka, pilihan aku untuk terus kekal berada di universiti adalah pilihan tepat di mana aku dipilih untuk diwawancara dalam televisyen, radio dan akhbar. Aku tidak pernah menyangka nama aku akan melonjak naik disebabkan wabak ini. Namun, itu bukan intipati utamanya. Perkara paling utama ialah dalam melakukan sebarang pilihan, kita mestilah memikirkan kesan dari keputusan yang kita ambil dan aku tidak menyesal dengan keputusan yang aku ambil.



Tidak lupa juga, ahli keluarga, rakan-rakan dan pihak pengurusan universiti meluahkan rasa bangga dengan pengorbanan aku. Mereka tumpang bahagia atas usaha yang aku lakukan dan ada antara mereka yang mencipta poster ucapan terima kasih kepada aku dan rakan-rakan yang lain dalam menjaga hak kebajikan pelajar sewaktu PKP ini.



Wahai Diari Biru,

Hari ini 24 April 2020. Menteri kanan mengumumkan pelajar dibenarkan pulang secara berperingkat mulai 27 April 2020 Isnin. Kami bisa pulang. Alangkah gembira perasaan ketika itu. Segala penat- lelah yang diperjuangkan, akhirnya termakbul pada hari ini. Semalam juga merupakan 1 Ramadan, hari pertama berpuasa di kampus asrama UMK Pengkalan Chepa. Rakan-rakan aku mula menanyakan perihal SOP penghantaran pelajar balik. Secara jujurnya, aku ingin memarahi mereka kerana sikap tergesa-gesa mereka namun aku memilih untuk bersabar dan meminta mereka untuk bertenang sehinggalah kami menyiapkan SOP penghantaran pelajar pulang.

Bukan SOP sahaja yang susah untuk disiapkan, pengumpulan data pelajar juga susah untuk diuruskan. Mana tidaknya, ada rakan-rakan aku yang mengisi google form secara bersahaja dan memberi maklumat yang tidak lengkap sehinggakan kami perlu menghubungi setiap seorang dari mereka bagi memastikan maklumat yang diberikan adalah lengkap dan tepat. Ya, ketika itu, aku sedikit hilang sabar namun rakan-rakan seperjuangan aku yang lain meminta untuk terus aku kekal bertenang kerana inilah salah satu tanggungjawab menjadi pemimpin, iaitu mempunyai kesabaran yang tinggi. Jadi, aku mengambil wuduk dan solat. Setelah melakukan sedemikian, aku kembali tenang dan meneruskan kerja aku kembali. Syukur, dengan segala nikmat kurniaNya, urusan aku makin dipermudahkan.

Wahai Diari Ungu,

Hari ini 24 April 2020. Hari ini 2 Ramadan 1441H. Hari kedua umat Islam di Malaysia menjalani ibadah puasa. Berita gembira yang diumumkan oleh Menteri Kanan bahawa penghantaran pulang pelajar IPT akan dilaksanakan tidak lama lagi itu telah dikongsikan oleh beberapa orang pelajarku yang terkandas di asrama. Mereka sangat gembira kerana tidak lama lagi mereka dapat berjumpa ibubapa dan keluarga yang dirindui setelah sekian lama. Ada yang memuji pihak bertanggungjawab yang bertungkus lumus memohon supaya penghantaran pulang pelajar IPT di seluruh Malaysia ini dipercepatkan. Emosi mereka sebenarnya terganggu dek kerana perkara ini. Ada yang tidak dapat menumpukan pada pengajian kerana terlalu tertekan terutamanya pembelajaran secara atas talian yang sememangnya lebih mencabar. Aku sentiasa mengikuti perkembangan pelajar-pelajarku yang terkandas di sana. Ada juga di antara mereka yang menjadi sukarelawan menjaga yang lain. Aku pastikan mereka mengikuti kelas atas talian seperti biasa walaupun ada di antara mereka yang emosinya terganggu hanya kerana tidak tahu bila dapat pulang ke pangkuan keluarga. Namun, kebajikan mereka semua dijaga dengan penuh cermat oleh pasukan *frontliner* UMK yang terdiri daripada staf (Pejabat Kolej Kediaman, Pusat Kesihatan Universiti, Seksyen Kaunseling dan sebagainya) serta pelajar daripada Majlis Perwakilan Pelajar dan Sekreteriat UMK yang terlibat.

Bagi memuji kesabaran mereka, aku membuat kejutan kepada mereka dengan sedikit kuih buka puasa (kek *brownies* dan *cheesetart* kegemaranku daripada Jyanadelight) untuk pasukan barisan hadapan UMK yang begitu sabar menghadapi dugaan sepanjang menguruskan para pelajar di kampus. Kali ini juga sebagai ucapan tahniah kerana tidak lama lagi urusan penghantaran pulang pelajar bakal dimulakan. Perkara yang menjadi impian kesemua pelajar yang terkandas di kampus sepanjang PKP.



Wahai Diari Biru,

Sesungguhnya, urusan penghantaran pelajar pulang ke kampung halaman tidaklah mudah. Alhamdulillah, data pelajar akhirnya siap dirangka dan SOP penghantaran pelajar siap diuruskan oleh pihak pengurusan UMK khususnya Pusat Kesihatan Universiti (PKU). SOP penghantaran pelajar ini juga mendapat kerjasama pihak bomba di mana mereka akan mensanitasi beg dan kenderaan, manakala pihak polis akan memastikan maklumat pelajar adalah sah dan benar. Proses ini mengambil masa yang cukup lama. Misalnya, pelajar yang berada di Kampus Jeli, perlu hadir ke tempat berkumpul seawal 11.00 pagi, kemudian berkumpul di Dewan Utama di Kampus Kota dan pelajar mula dibenarkan bergerak pulang dalam 10.15 malam. OPS penghantaran pelajar adalah sangat sukar kerana begitu banyak proses dan borang yang perlu dilakukan oleh pelajar. Namun, semua proses ini adalah bagi memastikan keselamatan pelajar terjamin.



Hari ini 30 April 2020. Hari ini aku pulang ke pangkuan keluarga. Bas bertolak tepat pada jam 9.00 malam. Sayu hati ini apabila melihat rakan rakan yang masih tinggal di asrama dan pihak pengurusan yang bekerjasama sepanjang PKP ini. Namun, aku sangat gembira kerana dapat pulang jua akhirnya untuk menjalani ibadah puasa bersama keluarga. Sampainya aku di rumah, keluarga aku menyambut aku dengan penuh gembira dan meluahkan rasa gembira atas jasa dan pengorbanan yang telah aku berikan. Mereka bersyukur kerana aku berada dalam keadaan baik dan berjaya pulang dengan selamat ke pangkuan keluarga.

Wahai Si Diari Ungu,

Hari ini 20 Mei 2020. Tanggal ke 28 umat islam di Malaysia menjalani ibadah puasa. Kali ini kisah ngeri yang kualami sendiri. Aku menulis lebih panjang pada hari ini. Aku benar-benar mahu dicatat di dalam diari ini. Hari ini masih dalam tempoh PKPB Fasa 5 yang

bermula dari 13 Mei sehingga 9 Jun 2020. Aku kembali ke tempat kerja yang kurindui hanya untuk mengambil beberapa dokumen pengajaran. Berbekalkan surat kebenaran daripada Ketua Jabatan Bahasa Inggeris dan Pengarah Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah, aku melangkah masuk ke bangunan agam itu dengan syahdu. Waktu tengahari. Aku terus menju ke tingkat atas. Tiada sesiapa di tingkat ini. Hanya aku yang pasti di sini melewati bilik-bilik pensyarah. Ya, dari lorong satu dan ke seterusnya. Aku tiba di hadapan bilikku. Sunyi di situ. Tombol kupulas bersama kunci yang dimasukkan. Lampu kupasang sambil mata kupejam. Alhamdulillah. Bilikku masih sama. Sedikit berhabuk kesan ditinggal lama. Beberapa fail kucapai pantas. Lalu aku keluar meinggalkan bilik yang kusayangi itu secepat mungkin. Tidak mahu di situ bersendirian terlalu lama.

Lorong-lorong sepi itu aku lewati lagi. Tiada bunyi tiada seri. Kurasakan suram sekali. Angin sepoi-sepoi Bahasa sesekali menyapa manja di pipi kanan. Setika lagi di pipi kiri. Aku terfikir seketika, “Dari mana datangnya angin ini? Sedangkan pintu bangunan ini tertutup rapi. Ya, hanya aku di sini”. Tiba-tiba kurasakan ada kelibat di belakangku. Pantulan cermin sisi penhadang balkoni agak jelas memberi pantulan. Kelibat putih! Jerit hatiku yang mula sengsara. Langkah terhenti. Degupan jantungku menjadi laju. Lebih kencang daripada degupan jantung sewaktu mengalami cinta pandang pertama.

Aku berzikir seketika. Kubacakan ayat-ayat suci petikan surah Al-Baqarah yang pernah diajarkan oleh Dr. Siti Amirah. Akan tetapi, lembaga putih itu kian mendekat. Lebih dekat, dan kali ini kehangatannya berada di belakang jasadku yang berdiri kaku di situ. Ya, amat hangat dan bukan dingin. Lalu mataku cuba dipejam dek terlalu takut. Ternyata belum sempat mataku terpejam rapat, pantas sahaja bahu disapa lembut bersama alunan namaku, “Ninie”. Begitu merdu sekali alunannya. Namun tidak sama sekali semerdu kicauan burung ketitir di belakang rumah nenekku. Tidak! Alunannya amat seram! Nama pendekku itu seakan disebut lama melebihi tujuh harakat.

Ah, aku gagahkan batinku untuk membuka mata dan menoleh ke belakang! Aku terpana. “Astagfirullahalazim, kamu rupanya Ariezal!”. Ternyata lembaga putih itu adalah rakan sekerjaku yang mempunyai kulit paling cerah di pejabat ini. Putih bersih sesuci imannya di bulan Ramadan. Beliau yang berkemeja biru muda kelihatan sedang mengipas-ngipas dirinya menggunakan kipas tangan, ole-ole dari Jakarta pemberian Dr. Najihah. Angin tadi ada penciptanya. Rupa-rupanya PKP ini membuatkan aku tidak mengenal realiti dan fantasi. Dek terlalu jarang berjumpa sesama manusia. Hanya berinteraksi di alam maya.

Alhamdulillah. Begini rupanya manusia. Begini bentuknya rakan sekerja. Aku ingat. Aku masih ingat.

Wahai Diari Biru,

Hari ini 24 Mei 2020. Selamat Hari Raya Aidilfitri. Seluruh umat Islam di Malaysia menyambut 1 Syawal 1441H. Gema takbir kedengaran dari masjid terdekat. Namun semestinya tiada jemaah masjid bisa mengimarahkan rumah Allah itu. Pada pagi raya pertama ini, aku sekeluarga sibuk bersiap-sedia untuk menunaikan fardu kifayah solat sunat hari raya. Ya, kali ini hanya di ruang tamu rumah sendiri. Tiada apa yang mampu aku coretkan hari ini. Perasaan gembira berasa di kampung halaman masih membara. Kuponjatkan syukur pada Ilahi kerana berpeluang meraikan aidilfitri bersama keluarga yang dikasihi. Penaku menari. Serangkap pantun alaf baru kutipkan di sini buat kenangan sepanjang aidilfitri di musim PKP.

Sebulan sudah kita berpuasa
Ramadan pula melabuhkan tirainya
Kini Syawal pula menjelma
Sebagai hadiah buat semua.

Syawal datang di kala PKP
Datangnya dia disambut ceria
Tiada duka tiada sepi
Malaysia tetap bergembira

Saudara-mara bergelak tawa
Bersama juadah raya yang tersedia
Kunjung-mengunjung di hari pertama
Dua puluh umat sebung sama

Ziarah menziarahi dalam negeri
Rentas negeri tak dibenarkan lagi
Jangan sedih jangan kau tangisi
Ulangi Aidilfitri selepas PKP

Walaupun jauh, dekat di hati,
Kalau jauh di mata, videocall hari-hari;
Kita berhubung guna teknologi,

Sambil bermaafan di Aidilfitri.

Wahai Diari Ungu,

Hari ini 25 Mei 2020. Sesungguhnya, Aidilfitri kali ini amat berbeza sekali. Di pagi raya kedua, seperti tiada apa-apa yang istimewa. Tiada lagi kunjungan daripada saudara-mara jauh yang biasanya menyapa di hari yang mulia ini. Aku teringat peristiwa lalu. Selalunya hari raya kedua, kami sekeluarga akan berkunjung ke rumah jiran sebelah, Cik La sekeluarga. Itu sudah menjadi rutin sejak daripada zaman aku masih kecil lagi. Juadah yang dihidangkan oleh mereka sangat sedap kerana seluruh ahli keluarga jiranku itu amat pandai memasak. Oh, betapa aku rindu masa lalu! Kebiasaannya, pada sebelah petang, rumahku ini akan dikunjungi oleh sepupu-sepupu dari perantuan. Riuhih-rendah suasana raya itu menjadi kemestian. Tapi hari ini berlalu begitu sahaja. Tiada juga kunjungan daripada pelajar-pelajarku. Selalunya raya kedua mereka yang dekat akan berkunjung ke mari. Namun kali ini, hanya panggilan video menjadi penyeri aidilfitri sepanjang hari.

Wahai Diari Biru,

Hari ini 7 Jun 2020. Aku menanti penuh debaran. Dari pagi hingga ke petang. Bergilir-gilir waktu dengan tugas yang ada, aku tunggu di hadapan televisyen. Tugas dan kelas atas talian berjalan seperti biasa. Aku lakukan dengan penuh cermat agar tidak tertinggal sebarang kewajipan. Namun otakku tetap galak berfikir dek ternanti-nantikan sesuatu. Hari ini adalah hari pengumuman penting daripada YAB Perdana Menteri lagi. Inilah yang kunantikan selama ini. Setelah sekian lama menjadi pelajar dan rakyat yang patuh. Ya. Ucapan YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Bin Haji Mohd Yassin. Sejak PKP dan PKPB dilaksanakan, kadar jangkitan COVID-19 di Malaysia telahpun turun. Terutamanya kes yang melibatkan warga tempatan. Alhamdulillah syukur kupakanjatkan pada Ilahi atas nikmat ini. Setiap bait kata daripada YAB Perdana Menteri kuamati dengan penuh teliti. Tiada lagi Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan diganti dengan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP). Rentas negeri juga telah dibenarkan mulai 10 Jun nanti, iaitu pada hari pertama PKPP. Ini semestinya adalah berita baik buat semua. Namun aku sedikit gusar. Semoga dengan kelonggaran ini, rakyat tetap mematuhi norma baharu yang perlu diamalkan seperti penjarakan sosial dan kerap membasuh tangan termasuk menggunakan *hand-sanitiser* sentiasa. Aku rasa ada sedikit ketenangan. Aku berhenti menulis di sini. Mungkin ini adalah muka surat terakhir dalam diari PKP yang berwarna biru ini, yang selama ini menjadi peneman di kala sunyi. Lalu aku tutup menjadi buku. Kupegang erat dahulu, sebelum aku tinggalkan diari ini di dalam laci.

Wahai Diari Ungu,

Hari ini 11 Jun 2020. Hari kedua bagi Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP). Semua staf akademik dan pentadbiran Universiti Malaysia Kelantan juga dipanggil untuk kembali bekerja bermula hari ini, tidak lagi bekerja dari rumah. Maka, bermulalah hari pertama aku bekerja di kampus setelah sekian lama, bersama amalan norma yang baharu. Di lobi itu, tersedia sebuah buku dan *handsanitizer*. Aku tulis namaku di situ, sebagai rekod kehadiran dan keselamatan. Pelitup muka kain juga kupakai selalu, sebagai langkah berjaga-jaga ketika berselisih dengan rakan sekerja yang ramai. Ya, inilah norma baharu di sini. Semoga berkekalan begini agar kita dapat sama-sama menjaga negara kita daripada terus dibelenggu pandemik COVID-19. Namun begitu, hari pertama ini tidaklah semudah yang disangka. Banyak urusan yang tertangguh selama ini perlu dilaksanakan secara fizikal. Aku siapkan segala apa yang termampu bersama *sobat baikku* sepanjang hari pertama ini. Aku pulang pada petang itu agak lewat, pada jam 7.00 petang. Setibanya aku di rumah, aku menuju ke sebuah almari usang di satu sudut dalam rumahku. Aku tenung Diari Ungu ditanganku ini begitu lama. Seribu satu rasa. Lalu aku berkata:

“Wahai Diari penemanku sepanjang PKP. Kutinggalkan kamu di rak ini. Janganlah diambil orang, tapi biarlah dimamah usia. Moga tidak lagi akan kubuka, tidak lagi kuguna. Kenangan ini cukup apa adanya. Buat diceritakan kepada generasi akan datang dan diingati buat selamanya. Di sini bakal jadi tempat tinggal baharumu. Menetaplah di sini, bersama-sama memori sepanjang COVID-19”.

Dua diari ini tidak ditulis lagi selepas berakhirnya PKP dan PKPB. Dunia sudah kembali membuka seri dengan bermulanya PKPP. Dalam waspada dan hati-hati. Dua diari ini tidak dibuka lagi. Diari Biru ditinggalkan di dalam laci, dan Diari Ungu ditinggalkan di rak almari. Sebatilah keduanya di habitat baharu, agar suatu hari nanti dunia tahu pengalaman yang dilalui mereka sepanjang PKP dan PKPB.

